



Kaitan antara disiplin, masa ketika Aidilfitri

BAHANG Aidilfitri masih terasa. Ada rumah sanak-saudara dan rakan taulan yang masih dikunjungi, tidak kurang juga yang meraikan Hari Raya dengan jamuan rumah terbuka. Rata-rata, walaupun sudah hampir dua minggu Aidilfitri diraikan, sambutanannya masih meriah.

Senario itu pasti dapat menggambarkan sebahagian besar sambutan Aidilfitri di Malaysia. Di United Kingdom (UK) dan Nottingham khususnya, sambutan Aidilfitri juga tidak lekang dengan tuan rumah mengadakan rumah terbuka.

Mungkin ada pembaca di Malaysia yang berasa hairan apabila mengetahui bahawa kami pelajar asing di perantauan turut mengadakan rumah terbuka, tetapi itulah kenyataannya. Bukan mengadakan rumah terbuka untuk menunjuk-nunjuk, tetapi di perantauan ini nyata cara ini lebih praktikal.

Dengan mengadakan rumah terbuka pada hari tertentu, maka persiapan dari segi bajet, masa dan tenaga boleh dioptimumkan dalam sehari atau dua hari. Dengan itu, tidaklah kami perlu meluangkan terlalu banyak masa untuk tujuan sambutan. Maklum sajalah, Aidilfitri bukan perayaan utama di UK.

Justeru, ada saja rakan yang perlu menyelesaikan urusan berkaitan pembelajaran pada Hari Raya pertama misalnya. Keutamaan datang ke UK ini tetap tidak ditekankan, namun dalam kesibukan itu hari kemenangan umat Islam seluruh dunia yang hanya setahun sekali tidak juga dipaparkan dengan menerapkan bentuk sambutan yang sesuai dengan tuntutan kami di sini.

Secara peribadinya saya meletakkan kemudahan mengadakan rumah terbuka bersama ini adalah dari segi penjimatan masa dan tenaga ditawarkan. Selain menyediakan menu secara bersama, pembahagian tugas dan 'pengkhususan' masing-masing dari segi tugas lain seperti menyediakan peralatan atau tempat (bagi rumah terbuka yang melibatkan banyak keluarga boleh dibuat di dewan yang boleh disewa mengikut jam dengan kadar amat berpatutan).

Memandangkan masa begitu berharga, persiapan secara gotong-royong bukan saja mempercepatkan tugas, malah mengeratkan silaturahmi dan memudahkan keseluruhan proses sebelum, semasa dan selepas rumah terbuka diadakan.

Masa jimat dari segi tidak perlu memasak dengan kuantiti yang banyak selama sebulan dan dapat segera kembali menumpukan perhatian kepada pelajaran.

Tidak dinafikan tumpuan peringkat pembelajaran pasca siswazah seperti pada peringkat Doktor Falsafah perlu sentiasa tetap dan perlu ada usaha mengekalkan momentum pembelajaran. Hal ini nyata antara perkara yang saya rasakan agak sukar secara peribadi dan menyedari hal itu membuatkan saya amat berhati-hati dari segi peruntukan masa untuk pembelajaran dalam sehari dan umumnya untuk setiap minggu.

Masa dan tempat belajar yang sesuai amat penting untuk mengekalkan momentum

pembelajaran kerana pengajian pada peringkat ini, sama sekali bukan seperti ketika peringkat pra siswazah yang banyak diatur oleh kelas dan tarikh akhir menghantar tugas kepada pensyarah. Belajar dalam kelas dan jadualnya juga tersusun membuatkan pelajar tidak boleh tidak perlu membabitkan diri dalam proses pembelajaran.

Sedangkan dalam tempoh itu juga ada yang 'mengambil kesempatan' ponteng dan sebagainya, pada peringkat pengajian lebih tinggi, lebih getir pula ujiannya dari segi pengurusan masa dan kawalan diri. Dalam hal ini, disiplin diri adalah kawan dan lawan yang utama, pada saya faktor penting menggerakkan atau menghentikan kajian yang sedang dijalankan.

Namun tidak juga saya katakan bahawa faktor ini sebagai satu-satunya faktor yang mempengaruhi kajian. Faktor lain seperti hal peribadi dan komitmen penyelia kajian, hubungan dengan penyelia, kesihatan, kejadian kecemasan dan komitmen keluarga juga antara faktor amat penting mempengaruhi kelancaran kajian seseorang calon peringkat doktor falsafah.

Cuma, faktor disiplin diri adalah satu faktor boleh dikawal dan dikuasai pelajar berbanding faktor lain yang dinyatakan tadi.

Dalam hal ini, pengurusan masa yang berkesan juga amat saling berkait dengan disiplin diri. Saya selalu mengingatkan diri

bahawa jika diri dapat dikawal dan didisiplinkan, maka masa akan menjadi 'kawan'. Sebaliknya, jika tiada disiplin diri, maka masa akan semakin menjauh. Jangan biarkan masa menjauh dengan diri ketika di Aidilfitri, itulah peringatan saya kepada diri.

Justeru, mendahulukan keutamaan ia itu mengaktifkan diri dalam proses kajian dan pembelajaran dan hanya melaku-



*Mendahulukan
keutamaan iaitu*

*mengaktifkan diri dalam proses
kajian dan pembelajaran
dan hanya melakukan perkara
lain selepas yang utama dapat
dilakukan dengan baik boleh
membantu pengendalian
masa yang lebih tersusun"*

kan perkara lain hanya selepas yang utama dapat dilakukan dengan baik boleh membantu pengendalian masa yang lebih tersusun.

Pada saya, kebanyakan pelajar perlu yakin bahawa masa boleh 'diadakan' dengan ada disiplin diri. Tidak kira pada peringkat pra atau pasca siswazah, disiplin diri perlu dibentuk dan mungkin pada peringkat awalnya 'dipaksa' untuk tujuan mendidik diri.

Masa akan 'lari' hanya jika kita melarikan diri daripadanya. Ramai juga yang bertanya adakah saya mempunyai masa untuk menjalankan kajian dan menulis untuk akhbar setiap minggu. Jawapan sebenarnya sudah dijelaskan tadi, masa akan ada jika kita mengadakannya, di samping menyusun keutamaan berdasarkan kepentingan tugas yang ingin disempurnakan dalam sehari.

Mungkin formula pengurusan masa berbeza daripada seorang individu ke individu lain, namun pemikir konservatif seperti saya ini nampaknya terus selesa dengan pandangan sebegini sejak zaman sekolah lagi.

Penulis ialah pensyarah Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), kini melanjutkan pelajaran peringkat doktor falsafah di Nottingham Trent University, United Kingdom